

29 DEC 2002

Insinerator-Memorandum

PENDUDUK AKAN HANTAR MEMORANDUM KEPADA PM MENGENAI INSINERATOR

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Penduduk sekitar Broga di Selangor akan menyerahkan memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo berhubung pembinaan insinerator di kawasan itu.

Pengerusi Badan Bertindak Pembinaan Insinerator, Halil Hussain berkata memorandum itu merupakan rayuan penduduk di sekitar Broga kepada kerajaan supaya lebih prihatin terhadap projek yang didakwa berbahaya kepada alam sekitar.

"Pendekatan kita (penduduk) adalah merayu kepada kerajaan kerana kita tak boleh menentang...oleh itu, kita lancarkan Poskad Rayuan kepada kerajaan untuk diserahkan bersama memorandum yang ditandatangani penduduk terbabit," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Kabinet pada 21 November lalu memutuskan untuk memindahkan lokasi asal pembinaan insinerator dari Kampung Bohol, Puchong ke Broga, dekat sini, setelah mendapat bantahan penduduknya.

Insinerator tersebut dijangka dapat melupuskan sampah sarap seberat 2,400 tan sehari dari Lembah Klang, tetapi dikhuatiri melepaskan dioksin yang membahayakan kesihatan.

"Segala tindakan kita (penduduk) sentiasa berlandaskan undang-undang. Kita akan tunggu laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan menyerahkan kepada Perdana Menteri dan Menteri Besar untuk tindakan selanjutnya.

"Tetapi sekiranya projek itu diteruskan tanpa mengambil kira kesan buruk terhadap penduduk, mungkin kita ambil tindakan mahkamah bagi menghalang pembinaannya," tegas Halil.

Beliau berkata pada 3 Januari depan satu sesi dialog akan diadakan di pejabat tanah tetapi sehingga kini para penduduk tidak dijemput untuk menghadirinya.

Halil juga kesal kerana tiada pegawai dari pihak berkuasa tampil memberikan kerjasama dengan memberikan maklumat, lokasi dan tahap pencemaran projek bernilai RM1.5 bilion itu kepada penduduk.

Sementara itu, lebih 2,000 penduduk sekitar Broga berkumpul secara aman di Taman Tasik Semenyih dengan membawa plakard sebagai menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap projek tersebut.

Mereka berharap pihak kerajaan mengambil kira masa depan generasi muda yang dikhuatiri membesar dalam persekitaran yang tercemar dan boleh membahayakan kesihatan.

--BERNAMA

RW HK ZB